



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

11 Syawal 1441 / 03 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu 11 Syawal 1441 bersamaan 03 Jun 2020, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan syifa kepada beliau. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

3. Seterusnya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 261 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 19,885 ujian.
  
4. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 268,388 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Manakala, sejumlah 5,039 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.
  
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 11 Syawal 1441H / 03 Jun 2020